



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/9/2018	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Hati-hati wanita AS menyamar pegawai kementerian

PUTRAJAYA - Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menasihatkan rakyat Malaysia agar tidak mudah percaya serta berhati-hati dengan seorang wanita warga Amerika Syarikat (AS) yang menggunakan nama kementerian untuk memperdayakan orang ramai bagi tujuan penipuan.

Kementerian berkenaan dalam satu kenyataan semalam menegaskan, individu terbabit bukan pegawai yang dilantik berkhidmat di mana-mana jabatan di bawah kementerian itu.

Katanya, wanita itu menyamar sebagai pegawai di Kementerian Sumber Asli dan

Alam Sekitar iaitu nama terdahulu kementerian, di mana individu berkenaan mengemukakan pasport dan pas lawatan kerja sementara untuk mengaburi kegiatan penipuan yang dijalankan.

"Berdasarkan pemantauan, kegiatan penipuan itu giat dilakukan secara rawak dalam talian, yang mana suspek memberitahu berminat untuk menyewa rumah yang telah diiklankan di internet.

"Orang ramai juga wajar membuat semakan terlebih dahulu dengan kementerian berkaitan sekiranya berdepan dengan situasi seperti ini," kata kenyataan itu. - Bernama